



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


30 DISEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 226 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 240,301 kes. Tujuh (7) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) di daerah Penampang manakala masing-masing satu (1) kes di Beaufort, Keningau, Kota Kinabalu, Kota Marudu dan Tambunan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 111 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 233,398 orang. Manakala 658 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 341 orang di hospital, 314 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, dua (2) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 37 orang merangkumi 32 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 12 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 19 (25.0%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lapan (8) daerah.
- Zon Jingga lima (5) daerah.
- Zon Merah 14 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian di Sabah meneruskan trend peningkatan dan hari ini berjumlah 226 kes. Jumlah ini adalah 34 kes lebih tinggi daripada jumlah kelmarin dan sekali gus melepassi paras angka 200.
- b. Lebih banyak daerah mencatat kes baharu dua (2) angka dengan Kota Kinabalu mencatatkan kes tertinggi 46 kes, diikuti dengan Tuaran dengan 37 kes, manakala lapan (8) daerah lain lagi mencatatkan kes antara 10 hingga 18 kes. Sebanyak 14 daerah mencatatkan kes satu (1) angka dan cuma tiga (3) daerah tidak mencatat sebarang kes baharu.
- c. Tuaran dan Tawau merekodkan peningkatan kes baharu yang agak tinggi berbanding jumlah semalam, masing-masing dengan +17 kes dan +14 kes. Ranau adalah satu-satunya daerah yang menunjukkan penurunan kes baharu yang dianggap signifikan iaitu -12.
- d. Seramai 221 orang daripada 226 pesakit baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2, dua (2) orang dalam Kategori 3, seorang dalam Kategori 4 dan juga seorang dalam Kategori 5. Kes yang melibatkan seorang pesakit lagi masih dalam penilaian JKNS.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (116) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	85	37.61%
3	Kontak	116	51.33%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	25	11.06%
JUMLAH		226	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (29 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 29/12/2021	Catatan Kes 30/12/2021	Perbandingan
1	Tuaran	20	37	+17
2	Tawau	1	15	+14
3	Kota Kinabalu	37	46	+9
4	Keningau	6	13	+7
5	Sandakan	3	9	+6
6	Papar	8	12	+4
7	Beluran	1	4	+3
8	Kudat	0	2	+2
9	Penampang	17	18	+1
10	Tambunan	6	7	+1
11	Pitas	1	2	+1
12	Telupid	1	2	+1
13	Lahad Datu	1	2	+1
14	Semporna	0	1	+1
15	Kota Belud	14	14	Mendatar
16	Beaufort	10	10	Mendatar
17	Kinabatangan	2	2	Mendatar
18	Kuala Penyu	2	2	Mendatar
19	Kunak	0	0	Mendatar
20	Kalabakan	0	0	Mendatar
21	Ranau	24	12	-12
22	Putatan	17	11	-6
23	Tenom	6	1	-5
24	Tongod	5	1	-4
25	Sipitang	5	1	-4
26	Nabawan	2	0	-2
27	Kota Marudu	3	2	-1
JUMLAH		192	226	+34

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (16 Disember – 29 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	20	16	0	10	46	415
Tuaran	0	27	8	0	2	37	325
Penampang	0	8	9	0	1	18	183
Tawau	0	12	3	0	0	15	37
Kota Belud	0	8	6	0	0	14	183
Keningau	0	5	7	0	1	13	83
Ranau	0	6	6	0	0	12	206
Papar	0	7	4	0	1	12	131
Putatan	0	8	2	0	1	11	122
Beaufort	0	2	8	0	0	10	76
Sandakan	0	3	6	0	0	9	68
Tambunan	0	6	1	0	0	7	60
Beluran	0	0	0	0	4	4	23
Kota Marudu	0	1	1	0	0	2	57
Kuala Penyu	0	0	1	0	1	2	46
Kinabatangan	0	1	1	0	0	2	11
Lahad Datu	0	0	1	0	1	2	17
Pitas	0	0	1	0	1	2	12
Telupid	0	2	0	0	0	2	8
Kudat	0	0	2	0	0	2	25
Tenom	0	0	0	0	1	1	63
Sipitang	0	0	1	0	0	1	38
Tongod	0	0	1	0	0	1	25
Semporna	0	0	0	0	1	1	7
Nabawan	0	0	0	0	0	0	9
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	3
Kunak	0	0	0	0	0	0	1
JUMLAH	0	116	85	0	25	226	2,234

6 Tiada **Kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,224 unit

- Hospital 1,354 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,680 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 15.29%

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 30 DISEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	215
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	6
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	4
Jumlah	226

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	1
Emiriah Arab Bersatu	3
Iraq	1
India	1
Jumlah	6

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Johor	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	217
Bukan Malaysia	9
Jumlah	226

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	47
Belum Menerima Vaksin	13
Menerima 1 Dos	2
Lengkap 2 Dos	149
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	15
Jumlah	226

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	16
6 to 11	28
12 to 17	9
18 to 25	32
26 to 59	120
>60	18
Jumlah	226

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 29 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 5,583 orang. Daripada jumlah ini, seramai 5,402 orang adalah penduduk dewasa dan 181 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 29 Disember 2021 adalah seramai 2,448,854 orang. Ini meliputi 2,112,697 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.59% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,403,197 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,092,102 orang atau 75.84% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,157 orang atau 77.46% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 311,095 atau 71.68% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **679,870** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,838 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 41 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 221 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 44 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 905 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu satu (1) di daerah Tawau dan satu (1) di daerah Penampang. Satu (1) kompaun dikeluarkan oleh Majlis Daerah Penampang atas kesalahan pemilik premis gagal mematuhi masa operasi yang ditetapkan.

- ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 242 premis perniagaan dan 302 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Sky Ink Ent, Taman Fortuna. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan 2 orang pekerja tidak memakai pelitup muka dan 2 orang pekerja tidak mendaftar MySejahtera di Smokies, Penampang.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 287 Premis Perniagaan melibatkan 150 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 68 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 98 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.5%
2	Kinabatangan	98.5%
3	Sipitang	98.5%
4	Beluran	98.5%
5	Keningau	98.4%
6	Tenom	98.4%
7	Beaufort	98.4%
8	Kota Marudu	98.4%
9	Kudat	98.3%
10	Sandakan	98.3%
11	Kota Belud	98.3%
12	Tuaran	98.3%
13	Semporna	98.2%
14	Ranau	98.2%
15	Kota Kinabalu	98.2%
16	Tawau	98.1%
17	Lahad Datu	98.1%
18	Papar	98%
19	Penampang	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II